

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM**

**KAWASAN : KUALA SELANGOR**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM (KUALA SELANGOR)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 berupaya mewujudkan industri pembinaan yang mampan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa termasuk dalam konteks keselamatan dan kesihatan serta kelestarian dalam pelaksanaan projek-projek awam dan swasta.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Transformasi Industri Pembinaan ('Construction Industry Transformation Programme' - CITP) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 September 2015 yang lalu ialah merupakan perancangan Kerajaan untuk mentransformasikan industri pembinaan untuk tempoh dari tahun 2016 hingga 2020. Ia merupakan salah satu inisiatif penting di bawah RMKe-11 untuk memastikan pencapaian status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

CITP telah dibangunkan dengan kerjasama Agensi-Agenzi Pusat, Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang mewakili industri pembinaan. Ia bertujuan untuk merealisasikan transformasi bagi meletakkan industri pembinaan sebagai sektor yang menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

CITP ini menggariskan 4 teras strategik iaitu:

1. 'productivity' - Meningkatkan nilai tambah setiap pekerja melalui penggunaan kaedah pembinaan moden, berteknologi tinggi dan mekanisasi serta menggunakan tenaga kerja yang mahir secara berkesan dan meningkatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS);

2. 'environmental sustainability' - Mengurangkan pembaziran dan kesan kepada alam sekitar melalui penggunaan bahan dan tenaga yang lebih cekap serta menggabungkan elemen reka bentuk yang meningkatkan jangka hayat bangunan, infrastruktur dan persekitaran semula jadi;
3. 'internationalization' - Meningkatkan kapasiti dan daya saing pemain industri di dalam negara dan di peringkat antarabangsa melalui peningkatan pembiayaan, pembentukan konsortium, dan peningkatan keupayaan dalam pasaran eksport yang berpotensi tinggi; dan
4. 'quality, safety and professionalism' - Meningkatkan tahap kualiti, keselamatan dan profesionalisme dengan memperkenalkan standard minimum bagi kualiti bahan binaan dan piawaian minimum bagi keselamatan dan kemudahan pekerja, serta mengurangkan birokrasi yang menjelaskan kemudahan menjalankan perniagaan dalam industri.

Elemen asas ini dijangka akan mengubah industri pembinaan menjadi lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Aspirasi yang diharapkan termasuk peningkatan tenaga kerja yang mahir, peningkatan penggunaan kaedah pembinaan yang berteknologi tinggi, penerapan agenda kemapanan dalam semua aspek pembangunan, penerapan budaya keselamatan yang tinggi dan menjadi lebih kompetitif dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CITP telah menetapkan sasaran yang ingin dicapai seperti berikut:

1. Kadar pertumbuhan sebanyak 10% setahun untuk industri pembinaan;
2. Meningkatkan produktiviti sebanyak 2.5 kali, daripada USD7,000 bagi setiap pekerja pada tahun 2011 kepada USD16,500 bagi setiap pekerja menjelang tahun 2020;
3. Mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40% pada tahun 2020 daripada paras 2005;
4. Meningkatkan sebanyak 10% kontraktor yang diiktiraf oleh Badan Bebas standard kesihatan dan keselamatan antarabangsa;
5. Mewujudkan konsortium besar pelbagai disiplin untuk pasaran antarabangsa pada Disember 2018; dan
6. Meningkatkan keperluan kemapanan untuk kedua-dua projek awam dan swasta bagi memastikan pembinaan lebih berdaya tahan terhadap bencana alam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan inisiatif CITP ini bergantung kepada kepakaran, pengalaman dan komitmen rakan-rakan pelaksana industri. Sehubungan itu, penggiat industri memainkan peranan yang penting untuk mendorong pelaksanaan CITP kerana aktiviti-aktiviti di dalam inisiatif transformasi CITP akan diterajui dan disokong oleh penggiat industri itu sendiri.

Sekian. Terima kasih.